

Penyertaan Sosial Cina Muslim Kelantan: Inklusiviti dan Eksklusiviti Modal Sosial

Social Participation of Chinese Muslims in Kelantan: Inclusivity and Exclusivity of Social Capital

Adi Syahid M.A¹

¹ Jabatan Perancangan & Pembangunan Hartanah, Pusat Pengajian Kerajaan, Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Hubungan Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 06010, MALAYSIA

*Corresponding Author: adisyahid@uum.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/jstard.2024.06.01.005>

Maklumat Artikel

Diserah: 4 Februari 2024

Diterima: 10 Mac 2024

Diterbitkan: 30 Jun 2024

Kata Kunci

Penyertaan sosial, inklusiviti, eksklusiviti, modal sosial, cina muslim

Abstrak

Komuniti Cina Muslim mengalami konflik hubungan yang diandaikan menjejaskan penyertaan sosial dalam modal sosial ikatan dan rapatan mereka. Modal sosial ikatan merujuk kepada hubungan Cina Muslim dengan komuniti asal yang tidak beragama Islam dan modal sosial rapatan merujuk kepada hubungan dengan komuniti komuniti Melayu. Berdasarkan realiti tersebut kajian ini bermatlamat untuk mengenal pasti penyertaan sosial Cina Muslim sama ada berlaku inklusiviti atau eksklusiviti dalam modal sosial ikatan dan modal sosial rapatan mereka. Kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah gabungan penjelasan berikutan (sequential explanatory mixed method design) dengan menggabungkan pendekatan kuantitatif dan kualitatif untuk menjawab objektif kajian. Kaedah pensampelan yang digunakan ialah pensampelan mudah dan bola salji di mana seramai 75 orang dalam kajian kuantitatif dan lima orang dalam kajian kualitatif. Data kajian dikumpulkan menggunakan borang soal selidik dan temu bual semi berstruktur. Hasil kajian menunjukkan penyertaan sosial responden dalam modal sosial ikatan menunjukkan penyertaan responden adalah inklusif di mana modal sosial ikatan dan rapatan mereka dapat menerima dan menggalakkan responden menyertai dalam sebarang aktiviti sosial. Kajian ini menunjukkan terdapat ruang dan peluang komuniti Cina Muslim untuk meningkatkan modal sosial mereka walaupun pada asasnya berlaku konflik pertukaran agama yang memberi kesan kepada modal sosial mereka.

Keywords

Social participation, inclusivity, exclusivity, social capital, chinese muslim

Abstract

The Chinese Muslim community experiences relational conflicts assumed to impact social participation in their bonding and bridging social capital. Bonding social capital refers to the relationship of Chinese Muslims with their non-Islamic native community, while bridging social capital pertains to their relationship with Malay communities. Based on this reality, this study aims to identify the social participation of Chinese Muslims, whether it exhibits inclusivity or exclusivity in their bonding and bridging social capital. The research methodology employed is a

sequential explanatory mixed method design, combining quantitative and qualitative approaches to address the research objectives. Convenience and snowball sampling methods were utilized, involving 75 participants in the quantitative study and five participants in the qualitative study. Data were collected through survey questionnaires and semi-structured interviews. The study's findings indicate that the social participation of respondents in bonding social capital demonstrates inclusivity, where respondents can accept and encourage participation in any social activity. This study reveals that there are opportunities for the Chinese Muslim community to enhance their social capital, despite underlying conflicts related to religious exchanges affecting their social capital.

1. Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai etnik, agama dan budaya. Kepelbagaian ini memberikan cabaran yang signifikan dalam kalangan komuniti yang melakukan konversi agama sama ada kepada individu atau komuniti yang terlibat. Salah satu komuniti yang melakukan konversi agama di Malaysia ialah etnik Cina yang menukar agama asal mereka kepada Islam dan membentuk komuniti Cina Muslim. Komuniti ini berhadapan dengan pelbagai cabaran peribadi, keluarga dan komuniti semasa konversi agama tersebut (Mek & Shah, 2019). Rintangan daripada keluarga dan masalah bahasa dengan komuniti Muslim misalnya menambah kompleksiti pengalaman konversi agama dalam kalangan mereka (Azarudin et al., 2022). Oleh itu, penyertaan sosial diperhatikan sebagai elemen kritikal yang perlu diberi perhatian dalam konteks komuniti tersebut.

Penyertaan sosial memainkan peranan penting dalam memastikan kerelevanan komuniti ini dalam persekitaran sosial yang ada. Menurut Levasseur et al. (2010) penyertaan sosial menjadi faktor penentu seseorang individu dapat melaksanakan tugas dan peranan sosialnya. Dalam konteks komuniti Cina Muslim, penyertaan sosial tidak hanya menyediakan hubungan dengan komuniti yang bertukar agama sahaja tetapi turut memperkukuhkan hubungan dengan komuniti asal.

Penyertaan sosial merujuk kepada keterlibatan individu dalam aktiviti yang membolehkan berlaku interaksi dengan orang lain dalam masyarakat atau komuniti. Aktiviti ini melibatkan unsur-unsur sosial dan berlaku di luar rumah, memberikan peluang untuk bertemu dan berinteraksi dengan ahli komuniti lain (Levasseur et al., 2010; Martina, 2015). Secara ringkasnya, penyertaan sosial melibatkan keterlibatan dalam aktiviti yang menggalakkan interaksi sosial dan perkembangan hubungan. Selain memperkukuhkan hubungan dalam komuniti, penyertaan sosial turut berperanan dalam meningkatkan kualiti dan kohesi sosial (Rubin & Rubin, 2001; Mercedes, 2019). Ini membina rangkaian sosial yang kukuh dan membuka peluang untuk memperluaskan hubungan kejiiran (Farrel, Aubry, & Coulombe, 2004). Tambahan pula, ia boleh menjadi petunjuk kepada kehadiran penyertaan politik (Davidson & Cotter, 1989) dan memberikan sumbangan kepada perkongsian sumber serta aktiviti produktif dalam masyarakat (Wilson dan Musick, 1997). Selain itu, penyertaan sosial berperanan membentuk sikap manusia ke arah penguatan ikatan sosial antara masyarakat dan dinilai berdasarkan pelbagai aktiviti berkonsepkan kemasyarakatan (Farrell, Aubry, & Coulombe, 2004). Oleh itu, penyertaan sosial dapat memberikan kemampuan jangka panjang dalam menangani masalah (Rubin & Rubin, 2001).

Walaupun begitu, perbincangan mengenai penyertaan sosial Cina Muslim di Malaysia masih terhad. Namun, terdapat kajian-kajian lain yang menunjukkan kepentingan penyertaan sosial dalam pelbagai situasi. Antaranya, kajian oleh Louis (2021) tentang hubungan penyertaan sosial dan inklusi sosial di Abuja, Nigeria, menunjukkan bahawa penyertaan sosial membawa kesan yang signifikan dalam membantu memahami dan merapatkan perbezaan budaya, memperkuat perhubungan antara kumpulan, mengurangkan kemiskinan, meningkatkan peluang pekerjaan, dan memperbaiki cara tadbir urus. Seterusnya Jamaluddin & Adriani, (2023) memfokuskan kajian penyertaan sosial dalam pembangunan kawasan pelancongan yang menemui faktor-faktor seperti ekonomi, alam sekitar, umur, pendidikan, dan tempoh tinggal yang memberi sokongan penyertaan sosial komuniti (Jamaluddin & Adriani, 2023). Kajian lain di Amerika Latin pula menitikberatkan keperluan untuk memperkukuhkan kemampuan komuniti untuk bersama-sama menghasilkan kesihatan mereka (Alexander et al., 2022; Alexa et al., 2023). Manakala Kajian H. Shellae et al., (2022) menunjukkan bahawa intervensi penyertaan sosial dapat membantu pelarian yang baru tiba untuk membina hubungan baru dan rasa keterikatan.

Selaras dengan kepentingan penyertaan sosial, kajian ini mengenal pasti penyertaan sosial yang berlaku dalam kalangan komuniti Cina Muslim yang bertukar agama. Dalam menghadapi cabaran konversi agama, penyertaan sosial memainkan peranan penting dalam membentuk jaringan hubungan yang kukuh dan membantu individu mengatasi eksklusiviti dan isolasi sosial. Kajian ini diharapkan dapat memberikan pandangan mendalam tentang dinamika penyertaan sosial dalam kalangan komuniti Cina Muslim, memberikan landasan untuk pembangunan strategi sokongan yang lebih baik dan menyeluruh bagi kelompok ini di Malaysia. Dengan

pemahaman yang lebih baik tentang penyertaan sosial, kita dapat membantu membangunkan komuniti yang inklusif dan merangsang perkembangan positif dalam masyarakat.

2. Isu Penyertaan Sosial Cina Muslim

Komuniti Cina Muslim merupakan etnik bukan Melayu yang terbesar melakukan konversi agama kepada agama Islam di Malaysia (Osman Chuah & Abdul Salam, 2008; Razaleigh, 2012a). Komuniti ini mengambil sikap untuk berbeza agama dengan komuniti asal dan membentuk persamaan dalam aspek agama dengan komuniti Melayu yang berbeza etnik. Sebagai sebuah komuniti yang lahir daripada konversi agama, antara masalah utama yang dihadapi oleh mereka ialah penyertaan sosial.

Bagi Cina Muslim, bentuk penyertaan sosial mereka dapat dijelaskan berdasarkan dua bentuk hubungan iaitu modal sosial ikatan dan modal sosial rapat. Modal sosial ikatan merujuk kepada hubungan antara individu dalam komuniti homogen seperti kawan rapat, keluarga, kumpulan sosial, jiran dan etnik (Putnam, 2000; Vyncke et al., 2012). Manakala modal sosial rapat merupakan hubungan yang bersifat heterogen kerana hubungan berlaku dalam kalangan ahli komuniti yang berbeza berdasarkan kepada komuniti, budaya dan latar belakang sosio ekonomi (Szreter & Woolcock, 2004). Dalam konteks Cina Muslim, modal sosial ikatan adalah keluarga asal yang bukan beragama Islam dan modal sosial rapat merupakan komuniti Melayu yang berbeza etnik dan budaya dengan mereka.

Selepas memeluk agama Islam secara umum dapat diperhatikan berlaku penyertaan sosial dalam kalangan Cina Muslim (Azarudin, 2015). Penyertaan berlaku apabila hubungan yang rapuh setelah memeluk Islam cuba dijalinan melalui penyertaan aktiviti bersama keluarga seperti kunjungan ziarah, sambutan Tahun Baru Cina, melibatkan diri dalam pesta tanglung, persembahan tarian singa, meraikan perkahwinan dan pengurusan kematian ahli keluarga bukan Muslim. Manakala dalam persekitaran modal sosial rapat terdapat pelbagai aktiviti yang disertai sosial yang disertai oleh saudara baru sama ada dalam bentuk agama, aktiviti kemasyarakatan, dan sambutan perayaan (Azarudin, 2015).

Walaupun terdapat pernyataan yang menyatakan komuniti Cina Muslim melibatkan diri dalam penyertaan sosial mereka. Konflik hubungan dalam modal sosial ikatan seperti di pinggir oleh keluarga, rakan-rakan dan komuniti Cina (Mohd Syukri Yeoh & Osman, 2004; Abdullah & Syukri, 2008; Nur 'Athiroh Tan & Fariza, 2009; Suraya Sintang et al., 2013; Adi Syahid & W.A Amir Zal, 2018), memberikan persoalan terhadap bentuk penyertaan sosial yang berlaku dalam modal sosial ikatan komuniti Cina Muslim. Azarudin (2015a) menyatakan bahawa berlaku dialog harian dalam bentuk penyertaan sosial komuniti Cina kerana komuniti Cina Muslim ingin meredakan konflik dalam modal sosial ikatan. Walau bagaimanapun bentuk penyertaan sosial mereka tidak diketahui sama ada berbentuk inklusif atau eksklusif. Inklusif bermaksud keadaan ahli komuniti dibenarkan atau mempunyai kebolehan mengambil bahagian dalam sesuatu aktiviti pembangunan (Davis & Hill, 2006). Manakala eksklusif merujuk kepada ahli komuniti yang tidak termasuk dalam penyertaan sesuatu aktiviti (Atkinson, 1998).

Persoalan kepada bentuk penyertaan sosial komuniti Cina Muslim sama ada berbentuk inklusif atau eksklusif juga ada dalam modal sosial rapat. Marlon et al. (2014) menunjukkan bahawa penyertaan sosial komuniti Cina Muslim dalam beberapa aspek seperti menghadirkan diri dalam program nuzul al-Quran, majlis akikah, menghadiri majlis maulidur rasul dan cukur jambul dengan rakan-rakan dalam kalangan komuniti Melayu masih berada pada tahap sederhana. Selain itu, mereka juga dikatakan di pinggir oleh komuniti Melayu (Nur 'Athiroh Tan & Fariza, 2009).

Selain penyertaan sosial yang berbentuk inklusif dan eksklusif. Dhea Putri (2013) menyatakan satu lagi bentuk dalam penyertaan sosial iaitu mereka meminggir daripada komuniti setelah berhadapan dengan hilang kepercayaan diri setelah memeluk agama Islam. Realiti tersebut memberikan sudut pandang yang berbeza terhadap penyertaan sosial komuniti Cina Muslim iaitu eksklusif yang berlaku dalam penyertaan sosial Cina Muslim bukan disebabkan persekitaran sosial mereka sebaliknya mereka sendiri yang menyisihkan diri daripada komuniti. Namun, bentuk mana yang paling dominan dalam komuniti tersebut tidak diketahui kerana tidak terdapat kajian khusus mengenainya. Justeru, kajian ini cuba mengenalpasti bentuk penyertaan sosial Cina Muslim dengan modal sosial ikatan dan rapat mereka sama ada bersifat inklusif, eksklusif atau berlaku penyisihan diri sendiri dalam kalangan mereka.

3. Metodologi

Reka bentuk kajian yang digunakan ialah reka bentuk kajian gabungan (*mixed method design*) dengan menggabungkan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Terdapat dua pertimbangan penyelidik untuk menggunakan reka bentuk kajian ini. Pertimbangan pertama ialah berdasarkan kepada keperluan untuk menjawab objektif kajian dengan lebih baik. Hal ini bertepatan dengan Creswell dan Clark (2007) yang menyatakan maklumat dalam kajian gabungan akan diperoleh dengan lebih jelas, tepat dan dapat memahami pernyataan masalah dengan lebih baik berbanding satu kaedah sahaja. McMillan (2012) yang menyatakan bahawa limitasi-limitasi tertentu dalam pendekatan kuantitatif dan kualitatif menjadikan kaedah gabungan dengan menggabungkan kuantitatif dan kualitatif sebagai pendekatan terbaik untuk menjawab persoalan kajian.

Gabungan kaedah ini diselesaikan satu per satu iaitu dengan melaksanakan kajian tinjauan terlebih dahulu dan diikuti dengan temu bual. Pendekatan ini dinamakan reka bentuk kajian gabungan penjelasan berikutan (*sequential explanatory design*). Reka bentuk ini digunakan kerana penyelidik ingin mendapatkan realiti keseluruhan responden terlebih dahulu dan realiti tersebut diteliti dengan lebih mendalam. Menurut Ary et al. (2010) analisis secara berturutan dapat menyediakan maklumat yang diperlukan untuk melaksanakan lebih kajian.

Populasi kajian ialah Cina Muslim Kelantan. Berdasarkan kepada Banci penduduk tahun 2010, Jumlah Cina Muslim di Kelantan ialah seramai 1,525 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2016). Walaupun begitu, untuk pensampelan kajian, tidak terdapat satu kerangka pensampelan yang konkrit mengenai Cina Muslim Kelantan dan telah dirujuk kepada pihak berautoriti dan Persatuan Cina Muslim Kelantan. Maka, pensampelan kebetulan (*convenience*) dan bola salji (*snowball*) telah dilaksanakan bagi mendapatkan sampel kajian. Ini bertepatan dengan Sabitha Merican (2006) yang mencadangkan penggunaan pensampelan kebetulan jika tidak mempunyai kerangka pensampelan. Seramai 75 orang responden sahaja yang diperoleh melalui prosedur pensampelan tersebut. Daripada jumlah sampel tersebut 5 orang telah dipilih sebagai informan untuk kajian kualitatif.


Data kuantitatif dikumpulkan kajian ini menggunakan borang soal selidik dan data kualitatif dikumpulkan menggunakan kaedah temu bual. Melalui borang soal selidik membolehkan penyelidik menyusun soalan dan menerima balasan tanpa perlu bercakap dengan setiap responden (Williams, 2006). Melalui soal selidik juga penyelidik dapat menjawab objektif kajian yang memerlukan jawapan kepada sebab dan akibat. Menurut Muijs (2004) sebab dan akibat lebih baik diperhatikan melalui pendekatan kuantitatif. Justeru, borang soal selidik diperlukan untuk mengumpulkan data kuantitatif. Bagi data kualitatif, penyelidik telah menggunakan kaedah temu bual. Kaedah ini digunakan untuk menjawab objektif kajian dengan tujuan memperincikan hasil kajian kuantitatif. Hal ini kerana penyelidik menggunakan kaedah gabungan penjelasan berikutan (*sequential explanatory design*). Menurut McMillan (2009) reka bentuk penjelasan berturutan memerlukan data kuantitatif dijelaskan, diuraikan dan diterangkan. Maka kaedah temu bual berstruktur telah digunakan. Melalui kaedah temu bual semi berstruktur penyelidik lebih fleksibel di mana penyelidik dapat menemu bual soalan yang berkaitan dan soal yang tidak termasuk dalam soal asal. Menurut McMillan (2009) melalui pendekatan temu bual semi struktur penyelidik mempunyai inisiatif sendiri untuk bertanyakan informan berdasarkan jawapan kepada soalan yang telah diberikan.

Data kuantitatif yang diperoleh menggunakan soal selidik dianalisis menggunakan dua jenis prosedur statistik, iaitu statistik deskriptif dan inferens. Kesemua data tersebut diproses menggunakan perisian SPSS. Bagi menganalisis data kualitatif yang diperoleh dari temu bual, penyelidik menggunakan kaedah manual yang dianalisis melalui proses Open Coding, Clustering, Category dan Thematic. Menurut Tiawa et al. (2012) Open coding ialah pemberian kod kepada setiap data supaya dapat dikelaskan mengikut objektif kajian. Manakala Clustering merupakan proses mengelaskan data yang telah diberi open coding dalam kategori-kategori yang khusus. Seterusnya proses Category data pula bertujuan memudahkan penyelidik membahagi data yang sesuai dengan bahagian-bahagian dalam kajian. Thematic pula merupakan proses mengelaskan setiap data kajian yang terkumpul berdasarkan tema atau konsep yang lebih spesifik.

4. Hasil Kajian dan Perbincangan

4.1 Penyertaan Sosial dalam Modal Sosial Ikatan

Penyertaan sosial dalam modal sosial ikatan merujuk kepada penyertaan komuniti Cina Muslim dalam aktiviti yang berorientasikan sosial dalam keluarga mereka yang belum memeluk Islam. Penyertaan responden adalah berbentuk inklusif jika responden diterima dan digalakkan menyertai sebarang aktiviti sosial. Manakala, jika responden disisihkan, dinafikan dan menyisihkan diri penyertaan tersebut adalah eksklusif. Rajah 1 menunjukkan tahap penyertaan sosial dalam modal sosial ikatan. Hasil kajian menunjukkan sebanyak 76 peratus penyertaan responden dalam aktiviti sosial bersama modal sosial rapat adalah berbentuk inklusif manakala hanya 24 peratus berbentuk eksklusif.

Rajah 1 Tahap penyertaan modal sosial ikatan

Jadual 1 pula menunjukkan perincian penyertaan sosial berdasarkan aktiviti. Bagi aktiviti ziarah-menziarahi sebanyak 52 peratus responden diterima oleh modal sosial ikatan mereka. 20 peratus responden digalakkan menziarahi modal sosial ikatan. Manakala 8 peratus responden menyisihkan diri dan 5 peratus sahaja dinafikan menziarahi modal sosial ikatan. Berkenaan dengan usaha memperbaiki hubungan pula kadang-kadang (3.4) sahaja responden berusaha memperbaiki hubungan mereka dengan modal sosial ikatan dalam aktiviti ziarah-menziarahi.

Berkenaan dengan penyertaan responden dalam aktiviti kemasyarakatan pula sebanyak 53 peratus responden diterima oleh modal sosial ikatan. 14 peratus digalakkan menyertai, 17 peratus disisihkan, 9 peratus menyisihkan diri dan 5 peratus dinafikan. Sementara itu, kadang-kadang (3.2) sahaja responden memperbaiki hubungan dengan menyertai aktiviti kemasyarakatan dalam modal sosial ikatan.

Dalam aktiviti bersukan dengan modal sosial ikatan pula, menunjukkan 56 peratus responden diterima, sebanyak 12 peratus digalakkan, 17 peratus disisihkan, 9 peratus menyisihkan diri dan 5 peratus pula dinafikan oleh modal sosial ikatan untuk menyertai aktiviti sukan secara bersama dengan modal sosial ikatan. Usaha memperbaiki hubungan dengan bersukan pula adalah kadang-kadang (3.1).

Penyertaan sosial dalam media sosial menunjukkan sebanyak 45 peratus responden diterima untuk menyertai aktiviti sosial dalam media sosial dan 13 peratus digalakkan. Seterusnya 19 peratus menyisihkan diri, 16 peratus disisihkan dan 7 peratus dinafikan menyertai aktiviti sosial di media sosial. Manakala responden kadang-kadang (3.2) responden memperbaiki hubungan dengan penyertaan di media sosial.

Penyertaan sosial dalam aktiviti makan bersama pula menunjukkan sebanyak 44 peratus responden diterima menyertai, 16 peratus digalakkan, 20 peratus menyisihkan diri, 15 peratus disisihkan dan 5 peratus dinafikan. Usaha responden memperbaiki hubungan dengan menyertai aktiviti makan bersama pula kadang-kadang (3.0) berlaku.

Bagi penyertaan dalam aktiviti perayaan pula menunjukkan, sebanyak 51 peratus responden diterima dan 16 peratus digalakkan menyertai aktiviti tersebut. Sebanyak 13 peratus daripada responden menyisihkan diri, 13 peratus disisihkan dan hanya 7 peratus dinafikan. Usaha memperbaiki hubungan dengan aktiviti tersebut pula jarang-jarang (3.1) berlaku.

Penyertaan sosial dalam menyambut perayaan pula menunjukkan lebih separuh responden diterima (51%) dan digalakkan (16%) untuk menyertainya. 13% daripada mereka menyisihkan diri. Sebanyak 13 peratus disisihkan dan 5 peratus dinafikan menyertai aktiviti perayaan oleh modal sosial ikatan. Manakala, kadang-kadang (3.2) responden mengambil peluang memperbaiki hubungan dengan modal sosial ikatan dengan menyertai aktiviti perayaan.

Penyertaan dalam aktiviti kebudayaan pula menunjukkan sebanyak 49 peratus responden diterima, 15 peratus digalakkan, 17 peratus menyisihkan diri, 12 peratus disisihkan dan 7 peratus dinafikan. Kemudian usaha responden memperbaiki hubungan dengan aktiviti kebudayaan pula hanya kadang-kadang (3.2).

Pandangan Informan juga menunjukkan penyertaan sosial yang positif yang diwakili oleh kenyataan informan 3:

Tak dok masalah kita g sambut tahun baru Cina..male make besar... biasa Cino dia letak palo babi...semaye pun ado babi....tapi mugo dio tahu kita isle....aye biasa kita semelih jugok rebus aye ...hok 2 tradisi keluarga la....tp pok cik

suruh kita semelih.dia kata mu semelih la.kita kata tok biasa semelih...tp pokcik ajar...dia kata semelih kena putus urat....pah dio pese baco bismillah tu.ngadap kiblat.dia ajar kito pulop...dia sain nge Melayu la (Informan 3)

Terjemahan:

Tiada masalah kita pergi sambut tahun baru Cina...malam makan besar..biasa orang Cina dia letak kepala babi atas meja...sembahyang pun ado babi..tapi sebab dia tahu kita Islam, ayam biasa dia semelih juga rebus ayam..itu tradisi keluarga la..ta..pi pok cik kita suruh kita semelih. Dia kata mu la sembelih ayam. Kita kata tak pandai dia..tapi pakcik ajar..dia kata sembelih kena putus urat..lepas tu dia pesan baca bismillah..menghadap kiblat...dia pula ajar kita.dia (pakcik) dia berkawan dengan Melayu (Informan 3)

Informan 3 menjelaskan beliau inklusif bersama keluarga dengan memberi contoh sambutan tahun baru Cina. Beliau juga menggambarkan modal sosial ikatan beliau memahami dan menghormati agamanya dengan tidak melakukan kebiasaan yang bercanggah dengan agama Islam supaya beliau dapat sama-sama dengan modal sosial ikatan. Bahkan mengajar beliau menyembelih ayam mengikut cara Islam supaya beliau dapat bersama-sama makan pada malam makan besar dengan modal sosial ikatan. Kesimpulannya penyertaan sosial responden dalam aktiviti sosial adalah inklusif walaupun telah berbeza agama dengan modal sosial ikatan.

Penyertaan sosial responden dalam modal sosial ikatan menunjukkan penyertaan responden adalah inklusif di mana modal sosial ikatan dapat menerima dan menggalakkan responden menyertai dalam sebarang aktiviti sosial. Walaupun kemarahan merupakan reaksi pertama masyarakat Cina apabila ada ahli keluarga memeluk Islam (Osman Chuah dan Abdul Salam, 2008) tidak menjadikan penyertaan sosial responden menjadi eksklusif dan terhalang. Hasil ini tidak selari dengan kajian-kajian sebelum ini yang menyatakan Cina Muslim dibuang oleh keluarga kerana dianggap mahu menjadi Melayu, tidak dibenarkan pulang ke rumah dan putus hubungan kekeluargaan (Nagata, 1978; Osman Chuah, 2001; Nuraisyah Chua, 2005; Zainab & Ibrahim, 2009; Mohd Syukri Yeoh & Osman, 2004; Abdullah dan Shukri, 2008; Nur A'thiroh Tan, 2009; Suraya Sintang, 2013; Marlon P.Guleng et al., 2014). Walaupun begitu, usaha memperbaiki hubungan dalam kalangan responden adalah kadang-kadang sahaja. Ini menunjukkan pengislaman telah memberi kesan kepada tingkah laku responden dan bukannya modal sosial ikatan (keluarga asal).

Jadual 1 *Penyertaan sosial dalam modal sosial ikatan*

No	Pernyataan	Penyertaan Sosial Modal Sosial Ikatan (%)					Min*
		Menyisihkan diri	Dinafikan	Disisihkan	Diterima	Digalakkan	
1	Menziarahi keluarga	8	5	14	52	20	3.4
2	Aktiviti kemasyarakatan bersama	9	5	17	53	14	3.2
3	Bersukan	9	5	17	56	12	3.1
4	Kumpulan media sosial (WhatsApp, We Chat, Facebook dll)	19	7	16	45	13	3.2
5	Makan bersama	20	5	15	44	16	3.0
6	Menyambut perayaan	13	7	13	51	16	3.2
7	Aktiviti kebudayaan	17	7	12	49	15	3.2

*Nota: Purata Skor berasaskan skala


- | | |
|------------------|-----------|
| 1: Tidak Pernah | 2: Jarang |
| 3: Kadang-kadang | 4: Kerap |
| 5: Sangat kerap | |

4.2 Penyertaan Sosial dalam Modal Sosial Rapatan

Penyertaan sosial dalam modal sosial rapatan merujuk kepada penyertaan responden dalam aktiviti berorientasikan sosial dengan komuniti Melayu. Penyertaan dianggap inklusif jika responden dapat diterima dan digalakkan dalam penyertaan tersebut manakala eksklusif jika dinafikan, disisihkan dan menyisihkan diri.

Rajah 2 menunjukkan tahap penyertaan sosial dalam modal sosial rapatan. Secara keseluruhan tahap penyertaan sosial responden dalam modal sosial rapatan adalah berbentuk inklusif (99 %) manakala sebanyak 1 peratus sahaja berbentuk eksklusif.

Rajah 2 Tahap penyertaan modal sosial rapatan



Jadual 2 pula menunjukkan penyertaan dalam aktiviti sosial secara terperinci. Berkenaan dengan aktiviti ziarah-menziarahi sebanyak 79 peratus responden diterima menziarahi modal sosial rapatan, sebanyak 19 peratus digalakkan dan 2 peratus disisihkan. Di samping itu responden kerap (3.9) berusaha memperbaiki hubungan dengan ziarah-menziarahi modal sosial rapatan.

Berkenaan dengan penyertaan responden dalam aktiviti kemasyarakatan pula sebanyak 79 peratus responden diterima oleh modal sosial rapatan. 17 peratus digalakkan menyertai, 1 peratus disisihkan dan sebanyak 3 peratus menyisihkan diri. Sementara itu, kerap (3.8) responden memperbaiki hubungan dengan menyertai aktiviti kemasyarakatan dalam modal sosial rapatan.

Seterusnya penyertaan sosial dalam aktiviti sukan pula menunjukkan 83 peratus diterima dan 11 peratus digalakkan menyertai, menyisihkan diri, sementara peratus dinafikan daripada menyertai aktiviti sukan. skor purata bagi aktiviti sukan ialah berada pada skala kerap dengan nilai 3.7. Manakala uaaah memperbaiki hubungan melalui aktiviti sukan adalah kerap (3.7).

Berkenaan dengan penyertaan dalam kumpulan media sosial pula, sebanyak 72 peratus responden diterima, 16 peratus digalakkan, 8 peratus menyisihkan diri dan 4 peratus disisihkan. Sementara itu, kerap (3.7) responden memperbaiki hubungan dengan menyertai aktiviti dalam media sosial.

Begitu juga dengan aktiviti sosial makan bersama yang mencatatkan 79 peratus responden diterima, 19 peratus digalakkan dan 3 peratus sahaja disisihkan. Berkenaan purata skor usaha membaiki hubungan pula menunjukkan responden kerap memperbaiki hubungan dengan makan bersama modal sosial ikatan.

Bagi aktiviti menyambut perayaan, 78 peratus responden diterima, 21 peratus digalakkan, 1 peratus disisihkan daripada menyambut perayaan bersama. Manakala responden kerap (3.9) meperbaiki hubungan melalui penyertaan dalam aktiviti menyambut perayaan.

Penyertaan dalam aktiviti kebudayaan pula, menunjukkan 73 peratus responden diterima, 21 peratus digalakkan, 3 peratus dinafikan dan hanya 1 peratus disisihkan. Reponden kerap (3.9) memperbaiki hubungan dengan modal sosial rapatan melalui aktiviti kebudayaan.

Manakala informan yang ditemu bual pula rata-rata menyatakan bahawa masyarakat Melayu sangat menerima dan penyertaan mereka adalah inklusif dalam apa-apa aktiviti sosial yang disertai oleh Cina Muslim. Ini di wakili oleh pernyataan informan iaitu;

"Oghe Melayu kalu kito g hari rayo ko.....aktiviti gapo ko dengan dio...pok dio koho suko..tak dok masalah denge oghe Melayu." (informan 2)

Terjemahan:

“Orang Melayu kalau kita pergi Hari Raya ke...aktiviti apa ke dengan mereka. Mereka sangat suka. Tak ada masalah dengan orang Melayu.” (Informan 2)

Informan 2 menyatakan bahawa beliau dapat menyertai aktiviti hari Raya bersama modal sosial rapat, begitu juga dalam aktiviti sosial yang lain dan menunjukkan komuniti Melayu sangat gembira dengan kehadiran Cina Muslim. Kesimpulannya penyertaan sosial responden dalam modal sosial rapat mereka adalah Inklusif. Walaupun mereka berbeza etnik dengan modal sosial rapat, tidak menjadi masalah bagi modal sosial rapat mereka untuk menerima dan menggalakkan penyertaan sosial responden.

Dalam persekitaran modal sosial rapat, penyertaan sosial responden adalah inklusif, dimana modal sosial rapat menerima dan menggalakan sebarang penyertaan responden dalam aktiviti sosial dengan mereka. Penyertaan yang inklusif adalah selari dengan semangat kejiwaan dan kemahiran bermasyarakat komuniti Cina Kelantan yang membolehkan mereka menyesuaikan diri dengan budaya masyarakat setempat (Mohd Shahrul Imran Lim, 2014). Ini bermaksud walaupun telah memeluk Islam realiti tersebut masih berterusan. Selain itu, faktor bahasa juga diperhatikan memudahkan penyertaan sosial berlaku antara responden dengan modal sosial rapat. Menurut Teo (2003), Cina Kelantan fasih berbahasa Melayu dan sukar untuk dibezakan dengan pertuturan oleh orang Melayu sendiri. Jelas bahawa penyertaan sosial responden dengan modal sosial rapat berlaku dengan baik disebabkan pengaruh bahasa Melayu yang kuat dan mereka membesar dalam kelompok Melayu sebelum mereka memeluk Islam lagi.

Manakala tiada perbezaan penyertaan sosial responden dalam modal sosial rapat menunjukkan bahawa masa bukanlah faktor yang membezakan inklusif atau tidak inklusif sesebuah penyertaan sosial Cina Muslim dengan modal sosial rapat mereka. Ini juga selari dengan Mohd Shahrul Imran Lim dan Reevany (2011) yang mana sosialisasi antara Cina Kelantan dan Melayu Kelantan dari zaman-kanak sehingga dewasa telah memupuk persefahaman dan rasa hormat serta membangunkan nilai-nilai tertentu. Justeru lama atau baru memeluk Islam bukanlah faktor utama yang membezakan penyertaan sosial responden dengan modal rapat.

Jadual 2 Penyertaan sosial dalam modal sosial rapat

No	Pernyataan	Penyertaan Sosial Modal Sosial Rapat (%)					*Min
		Menyisihkan diri	Dinafikan	Disisihkan	Diterima	Digalakkan	Usaha baiki hubungan
1	Menziarahi mereka	0	0	3	79	19	3.9
2	Aktiviti kemasyarakatan bersama	3	0	1	79	17	3.8
3	Bersukan	5	1	0	83	11	3.7
4	Kumpulan media sosial (WhatsApp, We Chat, Facebook dll)	8	0	4	72	16	3.7
5	Makan bersama	0	0	3	79	19	3.8
6	Menyambut perayaan	0	0	1	78	21	3.9
7	Aktiviti kebudayaan	0	3	1	73	21	3.9

*Nota: Purata Skor berasaskan skala

1: Tidak Pernah 2: Jarang
3: Kadang-kadang 4: Kerap
5: Sangat kerap

Penghargaan

Pengkaji mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu dalam menyelesaikan kajian ini.

Konflik Kepentingan

Pengarang mengisytiharkan bahawa tidak ada konflik kepentingan mengenai penerbitan kertas itu.

References

- Abdullah, O @ Leng C. H., and A. S. M. Shukri. (2008). *Muslim Converts in Malaysia: The Problem of Cultural Adjustment*. Kuala Lumpur: International Institute: University of Malaysia.
- Adi Syahid M.A, & W.A Amir Zal (2018). Pemilikan Modal Sosial Ikatan Dalam Kalangan Cina Muslim Kelantan. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 3(1), 19-29. <https://doi.org/10.24200/jonus.vol3iss1pp19-29>.
- Alexa, Ramirez., Melissa, Katherine, Sánchez, Peña., Jorge, Alexander, Daza, Cardona., Sandra, Marcela, Gómez, Marín., Gloria, Carmona, Londoño., Conrado, Echeverry, Vargas. (2022). Social Participation in Health: A Community-Based Participatory Research Approach to Capacity Building in Two Colombian Communities. *Progress in Community Health Partnerships*, 16(1):1-4. doi: 10.1353/cpr.2022.0000
- Alexander, Ramírez., Melissa, Katherine, Sánchez, Peña., Jorge, Alexander, Daza, Cardona., Sandra, Marcela, Gómez, Marín., Gloria, Carmona, Londoño., Conrado, Echeverry, Vargas. (2022). Social Participation in Health: A Community-Based Participatory Research Approach to Capacity Building in Two Colombian Communities. *Progress in Community Health Partnerships*, 16(1):16-5. doi: 10.1353/cpr.2022.0001
- Ary, D., Jacobs, L. C., Razavieh, A. & Sorensen, C. K. (2010). *Introduction to research in education* (8th Ed.). Canada Wadsworth: Cengage Learning.
- Atkinson, A. (1998). Social Exclusion, Poverty and Unemployment. In Atkinson, A.B. and Hills, J. (Eds.) *CASEpaper4*. London: Centre for Analysis of Social Exclusion.
- Azarudin Bin Awang. (2015a). *Kajian Pengalaman Dialog Kehidupan Masyarakat Cina Muslim Terengganu Sebelum Dan Selepas Konversi*. Tesis Ph.D, Universiti Malaya.
- Azarudin, Awang., Ruhaizah, Abdul, Ghani., Razali, Musa., Azman, Che, Mat. (2022). The Challenges of Mixed Marriage in Malaysia from Mualaf's Circle. *Academic Journal of Interdisciplinary Studies*, doi: 10.36941/ajis-2022-0162.
- Creswell, J. W., Clark, V.L. P. (2006). *Designing and Conducting Mixed Methods Research*. USA: SAGE Publications.
- Davidson, W.B., & Cotter, P.R. (1989). Sense of community and political participation. *Journal of Community Psychology*, 17, 119–125.
- Davis, J. M. and Hill, M. (2006). Introduction', in E. K. M. Tisdall, J. M. Davis, M. Hill and A. Prout (eds) *Children, Young People and Social Exclusion: Participation for what?*. Bristol: The Policy Press.
- Dhea Putri Herdiningrum. (2013). *Adaptasi Kelompok Muallaf Tionghua di Kecamatan Pontianak Kota*. Sosiologique, Jurnal S-1 Ilmu Sosiologi, Volume 1, Nomor 1.
- Farrell, S.J., Aubry, T., & Coulombe, D. (2004). Neighbourhoods And Neighbours: Do They Contribute To Personal Wellbeing?. *Journal of Community Psychology*, 32(1), 9-25.
- H., Shellae, Versey., Serene, Murad., Isobel, McPhee., Willa, Schwarz. (2022). A Bridging-Community (ABC) Project: A Community Building Social Participation Intervention Among Resettled Refugees in Boston. *Journal of International Migration and Integration*, 24(1):441-465. doi: 10.1007/s12134-021-00908-z
- Jamaluddin, Arifin., Adriani, Safitri. (2023). Partisipasi Sosial Masyarakat Dalam Pengembangan Kawasan Wisata Tongke- Tongke Kabupaten Sinjai. *Padaringan : Jurnal Pendidikan Sosiologi Antropologi*, doi: 10.20527/pn.v5i01.7433
- Levasseur, M., Richard, L., Gauvin, L., & Raymond, É. (2010). Inventory and analysis of definitions of social participation found in the aging literature: Proposed taxonomy of social activities. *Social Science & Medicine* (1982), 71(12), 2141–2149. <https://doi.org/10.1016/j.socscimed.2010.09.041>
- Louis, Nwachi. (2021). Relationship between Participation and Social Inclusion. *Open Journal of Social Sciences*, doi: 10.4236/JSS.2021.910004.
- Marlon P. Guleng, Razaleigh Muhamat@Kawangit, Abu Dardaa Mohamad. (2014). Penyesuaian Diri Mualaf Terhadap Masyarakat Dalam Kalangan Pelajar Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP). *Jurnal Al-Hikmah* 6(2014): 73-88.
- Marlon P. Guleng, Razaleigh Muhamat@Kawangit, Abu Dardaa Mohamad. (2014). Penyesuaian Diri Mualaf Terhadap Masyarakat Dalam Kalangan Pelajar Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP). *Jurnal Al-Hikmah* 6(2014): 73-88
- McMillan, J. H. (2012). *Educational Research: Fundamentals for the Consumer* (6th Edition). Bonston: Pearson.
- Mek Wok M., & Shah Haneef, S. S. . (2019). Expectations from Chinese Muslim Converts for Islamization of Society in Malaysia: Lessons from Life of the Companions (Angkaan Pengubahsuaian Cina Islam untuk Pengislaman Soci-ety di Malaysia: Pelajaran dari Kehidupan Para Sahabat). *Journal of Islam in Asia (E-ISSN 2289-8077)*, 16(1), 278–296. <https://doi.org/10.31436/jia.v16i1.783>.
- Mercedes, Camarero. (2019). Social and Political Participation, In book: *The Quality of European Societies* (pp.93-109)

- Mohd Shahrul ImranLim Abdullah and Reevany Bustami. (2011). Evolution and Identity of the Kelantan Peranakan Chinese: Issues and Challenges. *International Journal of Multicultural and Multireligious Understanding*. Volume 2, Issue 1.
- Mohd Shahrul Imran Abdullah and Reevany Bustami. (2011). Evolution and Identity of the Kelantan Peranakan Chinese: Issues and Challenges. *International Journal of Multicultural and Multireligious Understanding*. Volume 2, Issue 1.
- Mohd Syukri Yeoh bin Abdullah and Osman. A. Chuah. (2004). The Problems of Mu'allaf in Malaysia. *Jurnal Islamiyyat* 24 (Malaysia National University, Bangi): 65-84.
- Mohd Syukri Yeoh bin Abdullah and Osman. A. Chuah. (2004). The Problems of Mu'allaf in Malaysia. *Jurnal Islamiyyat* 24 (Malaysia National University, Bangi): 65-84.
- Muhammad bin Hashim. (2013). Aktiviti Dakwah Terhadap Saudara Baru: Kajian di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Muijs, D. (2004). *Doing Quantitative Research in Education with SPSS*. London: SAGE Publications Ltd.
- Nagata, Judith A. (1978). The Chinese Muslims of Malaysia: new Malays or new associates? a problem of religion and ethnicity." Pp. 102-114 in *The Past in Southeast Asian's Present*, edited by G. P. Means. Ottawa: Canadian Society for Asian Studies, Canadian Council for Southeast Asian Studies.
- Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pao dan Fariza Md Sham (2009). Keperluan Memahami Psikologi Saudara Muslim. *Jurnal Hadhari Bil.2*.83-97.
- Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pao dan Fariza Md Sham (2009). Keperluan Memahami Psikologi Saudara Muslim. *Jurnal Hadhari Bil.2*.83-97.
- Nuraisyah Chua Abdullah. (2005). *Kisah Saya Saudara Baru*. Bentong: PTS Publications & Distributor Sdn Bhd
- Osman Abdullah @ Chuah Hock Leng & Abdul Salam Muhamad Shukri. (2008). *Muslim Converts in Malaysia: The Problem of Cultural Adjustment*. Kuala Lumpur: Research Centre International Islamic University.
- Osman Abdullah @ Chuah Hock Leng. (2001). *Chinese Muslims in Malaysia*. Kuala Lumpur: IIUM.
- Putnam, R. D. (2000). *Bowling Alone: The Collapse and Revival of American Community*. New York: Simon & Schuster.
- Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Abdul Ghafar Don, Salasiah Hanin Hamjah, Fariza Md.Sham, Badlihasham Mohd.Nasir, Muhammad Faisal Asha'ari, Siti Rugayah Tibek, Zainab Ismail, Ideris Endot, Anuar Puteh, A'dawiyah Ismail, Mohd Zulkipli Abd Ghani. (2012a). Assimilation Level of Chinese Muallaf In Kuala Lumpur. *Advances in Natural and Applied Sciences*, 6(4): 524-533.
- Rubin, H. J and .S. Rubin. (2001). *Community Organizing And Development*. 3rd Edition. Boston: Allyn And Bacon.
- Sabitha Merican. (2006). *Penyelidikan sains sosial pendekatan pragmatik*. Selangor:Edusystem Sdn. Bhd.
- Suraya Sintang , Khadijah Mohd Khambali @ Hambali , Azizan Baharuddin ,Nurhanisah Senin , Suhaida Shaharud-din , Wan Ariffin Wan Yon , Baharuddin Malek , Mahmud Ahmad & Mohd Roslan Mohd Nor. (2013). The Dialogue of Hikma: Generating Harmony in Muslim-Non-Muslim Relations. *Islam and Christian-Muslim Relations*, 24:2, 213-224, DOI:10.1080/09596410.2013.772328.
- Suraya Sintang , Khadijah Mohd Khambali @ Hambali , Azizan Baharuddin ,Nurhanisah Senin , Suhaida Shaharud-din , Wan Ariffin Wan Yon , Baharuddin Malek , Mahmud Ahmad & Mohd Roslan Mohd Nor. (2013). The Dialogue of Hikma: Generating Harmony in Muslim-Non-Muslim Relations. *Islam and Christian-Muslim Relations*, 24:2, 213-224, DOI:10.1080/09596410.2013.772328.
- Szreter, S., & Woolcock, M. (2004). Health by Association? Social Capital, Social Theory, And The Political Economy Of Public Health. *International Journal of Epidemiology*, 33, 650e667.
- Teo K. S. (2003). *The Peranakan Chinese of Kelantan: A study of the Culture, Language and Communication of an Assimilated Group in Malaysia*. London: Asean Academic Press.
- Tiawa, D., Hafidz, A., & Sumarni, R. (2005). Aplikasi Perisian NVIVO Dalam Analisis Data Kualitatif. *Qualitative Conference*, 21-23 August 2005, Sofitel Resort, Senai.
- Vyncke, V., Peersman, W., Maeseneer, J.D. Willems, S. (2012). Measuring the Immeasurable? Operationilising Social Capital in Health Research. *Health*, 4 (9), 555-556.
- Wilding, A., Munford, L., & Sutton, M. (2023). Estimating the heterogeneous health and well-being returns to social participation. *Health Economics*, 32(9), 1921-1940.
- Williams, D., (2006). On and off the net: scales for social capital in an online era. *J. Comput.-Mediated Commun.* 11, 593-628.
- Wilson J, & Musick M. (1997). Work and volunteering: the long arm of the job. *Soc. Forces*, 76:251-72
- Zainab Ismail & Wan Ibrahim Wan Ahmad. (2009). *Populasi Cina di Malaysia: Kepelbagaian Agama dan Penerimaan ke atas Cina Muslim*. The Journal of Al-Hikmah.